



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

PENGARUH MEDIA SOSIAL TERHADAP KECENDERUNGAN PENYELEWENGAN TINGKAH LAKU SEKSUAL DALAM KALANGAN REMAJA MELAYU, SEKOLAH MENENGAH

IRWAN JUNAIDY BIN MOHAMED RAMLI



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
2019



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi
i

**PENGARUH MEDIA SOSIAL TERHADAP KECENDERUNGAN
TINGKAH LAKU SEKSUAL DALAM KALANGAN REMAJA
MELAYU, SEKOLAH MENENGAH.**

IRWAN JUNAIDY BIN MOHAMED RAMLI



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**LAPORAN DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK
MEMPEROLEHI IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN (PSIKOLOGI PENDIDIKAN)
MOD PENYELIDIKAN DAN KERJA KURSUS**

**FAKULTI PEMBANGUNAN MANUSIA
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2019



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

UPSI/IPS-3/BO 32
Pind : 00 m/s. 1/1

Sila tanda (_)
 Kertas Projek
 Sarjana Penyelidikan
 Sarjana Penyelidikan dan Kerja Kursus
 Doktor Falsafah

<input checked="" type="checkbox"/>

**INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH
PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN**

Perakuan ini telah dibuat pada 22 (hari bulan) 08 (bulan) 2019.

i. Perakuan pelajar :

Saya, IRWAN JUNAIDY BIN MOHAMED RAMLI, N20171000868, FPM (SILA NYATAKAN NAMA PELAJAR, NO. MATRIK DAN FAKULTI) dengan ini mengaku bahawa disertasi/tesis yang bertajuk PENGARUH MEDIA SOSIAL TERHADAP KECENDERUNGAN PENYELEWENGAN TINGKAH LAKU SEKSUAL DALAM KALANGAN REMAJA MELAYU SEKOLAH MENENGAH.

adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya



Tandatangan pelajar

ii. Perakuan Penyelia:

Saya, AZLINA AIRU MAWAR (NAMA PENYELIA) dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk PENGARUH MEDIA SOSIAL TERHADAP KECENDERUNGAN PENYELEWENGAN TINGKAH LAKU SEKSUAL DALAM KALANGAN REMAJA MELAYU SEKOLAH MENENGAH. (TAJUK) dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian SiswaZah bagi memenuhi sebahagian/sepenuhnya syarat untuk memperoleh Ijazah SARJANA PENDIDIKAN (SLA NYATAKAN NAMA IJAZAH).

22/8/2019

Tarikh



Tandatangan Penyelia



**INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH /
INSTITUTE OF GRADUATE STUDIES****BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/DISERTASI/LAPORAN KERTAS PROJEK
DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM**

Tajuk / Title:

PENGARUH MEDIA SOSIAL TERHADAP KECENDERUNGAN
PENYELEWENGAH TINGKAH LAKU SEKSUAL DALAM
KALANGAN REMAJA MELAYU, SEKOLAH MENENGAH.

No. Matrik / Matric No.:

M2017/1000868

Saya / I :

IRWAN JUNAIKY BIN MOHAMED RAMLI

(Nama pelajar / Student's Name)

mengaku membenarkan Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek (Kedoktoran/Sarjana)* ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-
acknowledged that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows:-

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek ini adalah hak milik UPSI.
The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan dan penyelidikan.
Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of reference and research.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajian Tinggi.
The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.
4. Sila tandakan (✓) bagi pilihan kategori di bawah / Please tick (✓) from the categories below:-

**SULIT/CONFIDENTIAL**

Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Rahsia Rasmi 1972. / Contains confidential information under the Official Secret Act 1972

**TERHAD/RESTRICTED**

Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan ini dijalankan. / Contains restricted information as specified by the organization where research was done.

**TIDAK TERHAD / OPEN ACCESS**Zili

(Tandatangan Pelajar/ Signature)

lsm(Tandatangan Penyelia / Signature of Supervisor)
& (Nama & Cop Rasmi / Name & Official Stamp)Tarikh: 22/08/19

Prof. Madya Dr. Azlina Abu Bakar
Fakulti Pembangunan Manusia
Universiti Pendidikan Sultan Idris
PERPUSTAKAAN TUANKU BAINUN

Catatan: Jika Tesis/Disertasi ini **SULIT @ TERHAD**, sila lampirkan surat beranda pihak ketiga/storan organisasi berkewajian dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh laporan ini perlu dikelaskan sebagai **SULIT** dan **TERHAD**.

Notes: If the thesis is **CONFIDENTIAL** or **RESTRICTED**, please attach with the letter from the related authority/organization mentioning the period of confidentiality and reasons for the said confidentiality or restriction.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun

ptbupsi
iv

PENGHARGAAN

Alhamdulilah dengan izinNya, disertasi ini berjaya disiapkan. Penyelidik ingin menzahirkan rasa jutaan terima kasih kepada Prof. Madya Dr. Azlina bt. Abu Bakar @ Mohd yang merupakan penyelia disertasi yang banyak membantu dan membimbing dalam penghasilan disertasi ini. Juga kepada ibu bapa tercinta Mohamed Ramli Sulaiman serta Sariah Man serta kekanda Salina dan Kartina juga adinda Kartini yang banyak memberi sokongan. Tidak dilupakan kepada sahabat yang banyak membantu secara langsung dan tidak langsung, memberi sokongan moral yang tidak henti-henti dalam penghasilan disertasi ini. Moga Allah S.W.T sahaja yang mampu membalas jasa dan pengorbanan serta doa kalian. Terima kasih.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



ABSTRAK

Media sosial merupakan trend terkini perkembangan teknologi komunikasi yang membolehkan manusia berhubung serta mendapatkan maklumat dalam masa yang singkat dan perkembangan teknologi ini dilihat mempengaruhi gaya hidup kita dari pelbagai aspek. Kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti pengaruh media sosial terhadap tingkah laku penyelewengan seksual dalam kalangan remaja Melayu. Seramai 317 orang pelajar tingkatan empat, lelaki dan perempuan dari daerah Manjung Perak terlibat dalam kajian ini. Satu set soal selidik berskala Likert yang mengandungi 4 bahagian dan terdiri daripada 45 item di gunakan. Nilai kebolehpercayaan Alpha Cronbach soal selidik adalah 0.83. Data dianalisis menggunakan perisian SPSS versi 23. Kajian ini mendapat tahap penggunaan media sosial dalam kalangan remaja Melayu adalah tinggi dengan nilai ($\text{min}=4.03$, $s.p=1.22$) manakala tahap tingkah laku penyelewengan seksual dalam kalangan remaja Melayu adalah rendah iaitu ($\text{min}=1.88$, $s.p=0.58$). Tujuan janji temu/dating dalam kalangan remaja Melayu lebih menjurus kepada perbincangan mengenai masalah cinta iaitu ($\text{min}=2.15$, $s.p=1.14$). Kajian ini mendapat, terdapat hubungan yang signifikan di antara komitmen keagamaan dengan tingkah laku penyelewengan seksual dengan nilai korelasi Spearman ($r=0.182$, $p=0.001$) di mana semakin tinggi komitmen keagamaan semakin rendah tingkah laku penyelewengan seksual. Namun, kajian ini mendapat media sosial tidak mempengaruhi tingkah laku penyelewengan seksual dalam kalangan remaja Melayu dengan nilai ($p=0.165$, $p>0.05$). Sesuatu yang menarik dalam kajian ini, terdapat remaja lelaki yang memiliki akaun media sosial untuk golongan gay dan terdapat remaja Melayu mengadakan janji temu/dating bertujuan untuk melakukan maksiat atau membincangkan mengenai hubungan seks. Implikasi kajian ini menunjukkan kesedaran serta pegangan agama yang kuat dalam diri seseorang remaja akan membantu remaja tersebut untuk menghindari diri dari terlibat dengan tingkah laku penyelewengan seksual.





THE INFLUENCE OF SOCIAL MEDIA ON SEXUAL ABUSE BEHAVIOUR AMONG MALAYS ADOLESCENTS IN SECONDARY SCHOOL.

ABSTRACT

Social media is the latest trend in the development of communication technology that enables people to connect and access information in a short time and the development of this technology is seen to influence our lifestyle in many aspects. This study was conducted to identify the influence of social media on sexual misconduct among Malay adolescents. A total of 317 fourth grade students, boys and girls from Manjung Perak district participated in this study. A set of Likert-scale questionnaires containing 4 sections and consisting of 45 items were used. The reliability of Alpha Cronbach's questionnaire was 0.83. Data were analyzed using SPSS software version 23. This study found that the level of social media use among Malay adolescents was high with (mean = 4.03, s.d = 1.22) while the level of sexual abuse behavior among Malay adolescents was low with (mean = 1.88, s.d = 0.58). The purpose of dating among Malay adolescents was more towards the discussion on love issues which is (mean = 2.15, s.d = 1.14). The study found that there was a significant relationship between religious commitment and sexual misconduct with Spearman's correlation values ($r = 0.182$, $p = 0.001$) where higher religious commitment decreased sexual misconduct. However, this study found that social media did not influence sexual misconduct among Malay adolescents with values ($p = 0.165$, $p > 0.05$). Interestingly, in this study, there were teenage boys who had social media accounts for gay people and there were Malay teenagers / dating appointments aimed at sexually active or sexually explicit. The implications of this study indicate that a strong awareness and religious beliefs in a teenager will help the adolescent to refrain from engaging in sexual misconduct.





KANDUNGAN

MUKA SURAT

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN	ii
PENGESAHAN PENYERAHAN DISERTASI	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	xi
SENARAI RAJAH	xiii



BAB 1:	PENGENALAN	MUKA SURAT
1.1	Pendahuluan	14
1.2	Latar belakang kajian	15
1.3	Pernyataan masalah	17
1.4	Objektif kajian	20
1.5	Persoalan kajian	20
1.6	Hipotesis kajian	21
1.7	Kepentingan kajian	21
1.8	Batasan kajian	23
1.9	Definisi Konseptual dan operasional	24
1.9.1	Media Sosial	24
1.9.2	Penyelewengan Seksual	25





1.10	Kerangka teorikal kajian	26
1.10.1	Rangka konseptual kajian	27
1.10.2	Kerangka teori kajian	28
1.11	Rumusan	31
BAB 2:	TINJAUAN LITERATUR	
2.1	Pendahuluan	33
2.2	Teori am berkaitan tingkah laku manusia	34
2.2.1	Teori Psikoanalisis Sigmund Freud	35
2.2.2	Teori Tugas-Tugas Perkembangan Robert Havighurst	36
2.2.3	Teori Perkembangan Moral Lawrence Kohlberg	38
2.2.4	Teori Pembelajaran Sosial Albert Bandura	39
2.2.5	Teori Evolusi	40
2.2.6	Teori Biologi	40
2.2.7	Teori Sosiologi	41
2.2.8	Teori Perkembangan Rohani: Pandangan Islam	42
2.3	Justifikasi pemilihan rangka teori	45
2.4	Pengaruh media terhadap sikap dan akhlak manusia	46
2.5	Penyelewengan seksual di Malaysia dan barat	56
2.6	Penyelewengan seksual menurut Islam dan barat	58
2.7	Komitmen keagamaan dalam kalangan remaja	68
2.8	Rumusan	69



**BAB 3: METODOLOGI KAJIAN**

3.1	Pendahuluan	83
3.2	Reka bentuk kajian	84
3.3	Populasi dan sampel kajian	84
3.4	Instrumen kajian	87
3.5	Kajian rintis dan penyemakan data	92
3.6	Prosedur pengumpulan data	94
3.7	Analisis data kajian tinjauan (soal selidik)	95
3.8	Rumusan	96

BAB 4: DAPATAN KAJIAN

4.1	Pendahuluan	97
4.2	Latar belakang responden	98
4.3	Analisis statistik deskriptif	99
4.3.1	Persoalan kajian pertama	101
4.3.2	Persoalan kajian kedua	103
4.3.3	Persoalan kajian ketiga	110
4.3.4	Analisis hipotesis	111
4.3.4.1	Persoalan kajian keempat	111
4.3.4.2	Persoalan kajian kelima	112
4.4	Ringkasan dapatan kajian	114
4.5	Rumusan	115

BAB 5: PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN

5.1	Pendahuluan	116
5.2	Perbincangan dapatan kajian	117
5.2.1	Latar belakang responden	117





5.2.1.1 Sumber media sosial	118
5.2.2 Perbincangan persoalan kajian pertama	120
5.2.3 Perbincangan persoalan kajian kedua	123
5.2.4 Perbincangan persoalan kajian ketiga	127
5.2.5 Perbincangan persoalan kajian ke empat	129
5.2.6 Perbincangan persoalan kajian ke lima	132
5.3 Implikasi kajian	139
5.3.1 Ibu bapa	139
5.3.2 Remaja	141
5.3.3 Kerajaan/ Kementerian	143
5.4 Implikasi teori	146
5.5 Sumbangan dan implikasi kajian	147
5.6 Rumusan	149
5.7 Cadangan kajian akan datang	149
RUJUKAN	151





SENARAI JADUAL

NO. JADUAL	MUKA SURAT
1.1 Statistik Jenayah Seksual Melibatkan Media Sosial	18
2.1 Analisis Sintesis Tinjauan Literatur	71
3.1 Interpretasi Skor Min Dan Tahap Penggunaan Media Sosial Dan Tahap Penyelewengan Tingkah Laku Seksual	91
3.2 Kekuatan Nilai Pekali Korelasi	91
3.3 Nilai Kebolehpercayaan Soal Selidik	92
3.4 Nilai Ujian Normaliti	93
3.5 Statistik untuk mengukur persoalan kajian	96
4.1 Taburan responden berdasarkan demografi	99
4.2 Taburan kekerapan item kekerapan menggunakan media sosial	101
4.3 Taburan deskriptif kekerapan penggunaan media sosial bagi keseluruhan item	102
4.4 Taburan deskriptif item tingkah laku penyelewengan seksual dalam kalangan remaja Islam.	104
4.5 Taburan deskriptif item tingkah laku penyelewengan seksual dalam kalangan remaja Islam bagi item perlakuan memegang	106
4.6 Taburan deskriptif item tingkah laku penyelewengan seksual dalam kalangan remaja Islam bagi item perlakuan menonton	107
4.7 Taburan deskriptif item tingkah laku penyelewengan seksual dalam kalangan remaja Islam bagi item perlakuan komunikasi	108





4.8	Taburan deskriptif item tingkah laku penyelewengan seksual dalam kalangan remaja Islam bagi item perlakuan membuka aurat	109
4.9	Taburan deskriptif item tingkah laku penyelewengan seksual dalam kalangan remaja Islam bagi item perlakuan janji temu	110
4.10	Keputusan ujian korelasi antara komitmen keagamaan dengan tingkah laku penyelewengan seksual dalam kalangan remaja Islam di daerah Manjung, Perak	112
4.11	Keputusan ujian regresi	113
4.1.2	Keputusan ujian regresi media sosial mempengaruhi tingkah laku penyelewengan seksual dalam kalangan remaja Islam di daerah Manjung, Perak	114





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun

ptbupsi
xiii

SENARAI RAJAH

NO. RAJAH	MUKA SURAT
1.1 Kerangka Konseptual Kajian	27
1.2 Teori Ekologi Bronfenbrenner	30
3.1 Proses pemilihan sampel	86
3.2 Taburan normal kajian	94



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

BAB 1

PENDAHULUAN



1.1 05-4506832



Pendahuluan

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

Dalam menyusuri kehidupan dalam arus kemodenan, setiap dari kita tidak terlepas mengikuti arus perubahan dalam kehidupan. Perubahan di sekeliling kita terutamanya melibatkan gaya hidup yang berorientasikan kepada teknologi banyak memberi kesan dan tentunya mempengaruhi beberapa aspek dalam kehidupan seharian kita di antaranya termasuklah melibatkan pegangan nilai, budaya, pemikiran dan norma masyarakat serta pemikiran agama. Setiap hari pelbagai jenis penemuan teknologi, aplikasi dan inovasi yang dicipta dan menjadikan dunia teknologi ketika ini seperti tiada sempadan dan berkembang dengan sangat pesat.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



Internet, media massa dan media sosial merupakan antara kemajuan dan perkembangan teknologi sama ada dalam bidang informasi dan komunikasi yang sentiasa berubah sepanjang hari. Pengaruhnya kepada kehidupan manusia adalah berbeza-beza di antara seorang individu dengan seorang individu yang lain. Ia bergantung bagaimana seseorang individu itu mengadaptasi dirinya ke dalam perkembangan dan perubahan yang berlaku di sekelilingnya. Perubahan teknologi yang berlaku ini membawa pelbagai cabaran dan kesan terhadap pegangan dan penghayatan nilai-nilai murni agama serta akhlak masyarakat dan tidak dapat dinafikan membawa pengaruh positif dan negatif yang mengubah nilai minda dan gaya hidup masyarakat. Jika dilihat perkembangan terkini yang berlaku dalam masyarakat kita, Malaysia merupakan negara ketiga tertinggi penggunaan internet selepas Singapura dan Brunei daripada jumlah keseluruhan penggunaan internet di seluruh Asia Tenggara menurut laporan akhbar Harian Metro. Ini menjelaskan tahap penggunaan internet adalah tinggi dalam kalangan rakyat Malaysia. Tambahan pula dengan kemajuan sistem jalur lebar berkelajuan tinggi yang diperkenalkan serta penggunaan telefon mudah alih android yang boleh dimiliki dengan harga yang berpatutan juga antara penyebab berlaku peningkatan dalam penggunaan internet dalam kalangan rakyat Malaysia.

Kemudahan internet ini berperanan menjadi pemangkin kepada kewujudan media sosial. Media sosial ini adalah satu rangkaian komunikasi yang mempunyai ciri-ciri seperti interaktif dan komunikasi yang menggabungkan pelbagai jenis elemen komunikasi antaranya lisan, tulisan, visual, bunyi dan video yang menjadikan komunikasi alam maya menjadi menarik.





1.2 Latar belakang kajian

Remaja dewasa ini dipengaruhi gaya hidup moden seiring dengan perkembangan internet dan media sosial di mana media sosial menawarkan cara untuk berhubung dan berkomunikasi dengan rakan-rakan baru dan lama tanpa batasan ke seluruh dunia. Penggunaan telefon bimbit oleh remaja ini telah menjadi fenomena global di mana remaja ini begitu mudah mengakses pelbagai jenis medium media sosial di mana sahaja mereka berada. Sehubungan dengan itu, para remaja kini begitu mudah menjalankan hubungan sosial menerusi pelbagai jenis aplikasi media sosial seperti *Facebook*, *Twitter*, *WeChat*, *Instagram* dan pelbagai lagi aplikasi media sosial yang terhidang dan mudah di akses melalui aplikasi *Play Store* dan *Apple Store* yang boleh diperoleh secara percuma dan pengguna hanya memerlukan talian internet. Aplikasi-aplikasi media sosial ini amat mudah digunakan dan menawarkan pelbagai jenis cara untuk pengguna berinteraksi secara atas talian. Penggunaan media sosial yang dijadikan sebagai satu medan untuk membina jaringan sosial atau *networking* tidak dapat disangkal lagi dan masyarakat Malaysia khususnya para remaja adalah antara golongan paling terdedah kepada aspek negatif penggunaan media sosial.

Dalam peringkat umur yang masih muda ini, remaja sedang melalui proses perkembangan dari pelbagai aspek antaranya emosi, intelek dan sosial. Menurut Khairul Azhar (2009), remaja yang terlalu taasub di dunia maya tidak akan membantu mereka melalui proses perkembangan ini secara sihat dan teratur. Secara tidak langsung, media sosial ini memberi impak yang besar dalam proses perkembangan remaja itu sendiri.

Remaja kadangkala keliru dan tidak mampu menilai komunikasi sosial yang sebenarnya di mana interaksi sosial pada pandangan remaja ini penuh kebebasan,



malah pada mereka sesuatu yang bersifat peribadi di alam nyata, tetapi di dunia siber pengertian peribadi telah berbeza. Ini mendorong para remaja untuk cenderung melakukan tingkah laku negatif di alam maya di mana ada sebahagian dari mereka berkomunikasi dengan cara yang berlebihan seperti berkongsi gambar serta video yang tidak senonoh serta bersempang mengenai isu-isu berkaitan seks yang pastinya tidak dilakukan sewaktu berkomunikasi di alam nyata.

1.3 Pernyataan Masalah

Terdapat beberapa isu yang timbul dan seterusnya menjadi topik perbincangan berkaitan penyelewengan seksual dalam kalangan remaja di antaranya dalam satu Wacana Penyelidikan Kajian Faktor Risiko dan Pelindung Terhadap Kesihatan Seksual dan Reproduktif Remaja menyatakan bahawa statistik Kementerian Kesihatan pada tahun 2015, mendedahkan sebanyak 3,980 atau 28.8 peratus daripada 13,831 remaja berusia 10 hingga 19 tahun mengandung anak luar nikah. Dapatan yang diperoleh melalui satu kajian pula mendapati bahawa golongan muda yang menggunakan internet secara berlebihan sebenarnya mempunyai banyak masalah antaranya masalah dalam interaksi, perkembangan fizikal, perkembangan sosial serta akademik dan turut menjelaskan mutu kerja individu (Utusan Online, 10 September 2016 dan Naquiah Nahar et.al, 2017).

Pengkaji tempatan mendapati bahawa remaja Islam yang terlalu taasub kepada penggunaan media sosial dalam kehidupan mereka boleh menyebabkan berlakunya perubahan sikap dan berkecenderungan kepada masalah keruntuhan akhlak kerana leka dengan pelbagai aplikasi sosial yang menyajikan hiburan melampau dan lucu, melayari laman pornografi yang akhirnya membawa kepada peningkatan perbuatan zina, sumbang mahram, ponteng sekolah serta melupakan



tanggungjawab sebagai hamba Allah, anak dan juga pelajar. (Wan Norina Wan Hamat, 2013).

Media sosial merupakan platform yang membuka ruang kepada remaja masa kini untuk mengenal dunia luar tanpa sempadan. Ini menyebabkan remaja amat terdedah dengan pelbagai jenis maklumat sama ada dalam bentuk positif atau negatif yang akan membawa kesan kepada pembentukan nilai para remaja.

Jadual 1.1

Statistik Jenayah Seksual Melibatkan Media Sosial (Januari – Disember 2015)

Media sosial	Bilangan kes
WeChat	138
Facebook	35
WhatsApp/ Beetalk	11
JUMLAH	184

Sumber: Harian Metro, 21 Mei 2017

Di dalam Jadual 1.1, sebanyak 184 kes jenayah seksual dilaporkan pada tahun 2015 dan daripada jumlah itu, 138 kes adalah melibatkan mangsa yang berkenalan melalui *WeChat*, *Facebook* (35 kes), dan selebihnya melalui *WhatsApp* serta *Beetalk*. Statistik ini menunjukkan berlakunya penyelewengan seksual kesan dari pengaruh penggunaan media sosial kepada remaja dan keadaan ini adalah sesuatu yang membimbangkan kerana rata-rata remaja yang terlibat dalam kes ini berumur bawah 16 tahun dan pada usia begini sudah pasti remaja-remaja ini masih berada di alam persekolahan.

Dengan kemudahan capaian internet hampir di setiap kawasan, memudahkan lagi para remaja ini mencapai maklumat dan berhubung dengan rakan





maya mereka dan meningkatkan kecenderungan remaja terlibat dengan hubungan sosial. Adalah sukar untuk menentukan sama ada kesan penggunaan media sosial mendatangkan kesan baik atau buruk kerana ianya dipengaruhi oleh banyak faktor dan kesan daripada penggunaan media sosial seperti Facebook telah meningkatkan kecenderungan golongan remaja terlibat dalam hubungan sosial dan dalam satu kajian mendapati terdapat hubungan yang signifikan antara pendedahan seksual dalam media dengan perlakuan seks remaja. Walaupun begitu, remaja lelaki dan perempuan yang mempunyai komitmen terhadap agama dapat melambatkan atau mengurangkan keinginan untuk melakukan hubungan seks sebelum nikah (Collins et al., (2014);, Rostosky dan Wilcox, (2004)

Kajian ini perlu dijalankan memandangkan media sosial adalah antara trend terkini para remaja membina hubungan sosial di antara mereka dan rentetan dari itu, timbul isu-isu di mana pengkaji terdahulu mendapati media sosial ini mempengaruhi tingkah laku, pembentukan nilai dan pegangan moral yang membawa kesan kepada remaja itu sendiri sama ada secara positif atau negatif. Selain itu, kes-kes penyelewengan seksual dan jenayah seksual yang melibatkan golongan remaja yang menggunakan aplikasi media sosial juga antara penyebab perlunya kajian ini dijalankan dan bagaimana hubungan antara komitmen keagamaan dengan penyelewengan seksual dapat dilihat.

Sehubungan dengan itu, kajian ini akan memberi tumpuan kepada beberapa jenis aplikasi media sosial yang menjadi trend dalam kalangan remaja pada masa kini dan melihat pengaruh aplikasi media sosial ini terhadap tingkah laku penyelewengan seksual pelajar Islam di sekolah menengah.





1.4 Objektif kajian

Secara umumnya, kajian ini dijalankan untuk melihat pengaruh media sosial terhadap tingkah laku penyelewengan seksual dalam kalangan pelajar Islam tingkatan empat, sekolah-sekolah menengah di daerah Manjung, Perak. Secara lebih khusus kajian ini bertujuan untuk:

- i. Mengenal pasti tahap penggunaan media sosial (*Facebook, WeChat, Twitter, Bigo Live, WhatsApp, Instagram*) dalam kalangan remaja Melayu di daerah Manjung, Perak.
- ii. Mengenal pasti tahap tingkah laku penyelewengan seksual dalam kalangan remaja Melayu di daerah Manjung, Perak.
- iii. Mengenal pasti tujuan janji temu/ dating dalam kalangan remaja Melayu di daerah Manjung, Perak.
- iv. Mengenal pasti hubungan di antara komitmen keagamaan dengan tingkah laku penyelewengan seksual dalam kalangan remaja Melayu di daerah Manjung, Perak.
- v. Mengenal pasti pengaruh media sosial (*facebook, WeChat, Twitter, Bigo Live, WhatsApp, Instagram*) terhadap tingkah laku penyelewengan seksual dalam kalangan remaja Melayu di daerah Manjung, Perak.

1.5 Persoalan kajian

Dalam kajian ini, penyelidik memfokuskan beberapa persoalan penting kajian seperti berikut:

- i. Apakah tahap penggunaan media sosial (*Facebook, WeChat, Twitter, Bigo Live, WhatsApp, Instagram*) dalam kalangan remaja Melayu di daerah Manjung, Perak?





- ii. Apakah tahap tingkah laku penyelewengan seksual dalam kalangan remaja Melayu di daerah Manjung, Perak?
- iii. Apakah tujuan janji temu/ dating dalam kalangan remaja Melayu di daerah Manjung, Perak?
- iv. Apakah terdapat hubungan di antara komitmen keagamaan dengan tingkah laku penyelewengan seksual dalam kalangan remaja Melayu di daerah Manjung, Perak?
- v. Adakah media sosial (*Facebook, WeChat, Twitter, Bigo Live, WhatsApp, Instagram*) mempengaruhi tingkah laku penyelewengan seksual dalam kalangan remaja Melayu di daerah Manjung, Perak?

1.6 Hipotesis kajian

Hipotesis kajian ini adalah berdasarkan kepada persoalan kajian yang dikemukakan oleh penyelidik. Terdapat dua hipotesis dalam kajian ini iaitu

- Ha1 : Terdapat hubungan yang signifikan di antara komitmen keagamaan dengan tingkah laku penyelewengan seksual dalam kalangan remaja Melayu di daerah Manjung, Perak.
- Ha2 : Media sosial mempengaruhi tingkah laku penyelewengan seksual dalam kalangan remaja Melayu di daerah Manjung, Perak.

1.7 Kepentingan kajian

Kajian yang akan dijalankan oleh penyelidik ini penting untuk mengenal pasti pengaruh media sosial terhadap tingkah laku penyelewengan seksual menurut





pandangan Islam yang berlaku dalam kalangan pelajar Islam. Beberapa media sosial terkini akan menjadi tumpuan kepada penyelidik bagi melihat hubungan ini.

Dapatan dari kajian ini di harapkan dapat memberi isyarat kepada ibu bapa, guru, komuniti setempat, seluruh ahli masyarakat dan pastinya pihak Kementerian Pendidikan Malaysia dan kementerian-kementerian yang berkaitan untuk mengambil langkah-langkah proaktif bagi menangani isu ini. Disiplin yang terkawal serta pembentukan sahsiah ke arah yang positif pastinya memberi kesan kepada proses pembelajaran pelajar dan secara tidak langsung dapat melahirkan remaja dan warganegara yang berakhhlak mulia selari dengan aspirasi Falsafah Pendidikan Kebangsaan itu sendiri.

Kita tidak boleh menolak perubahan yang berlaku di sekeliling kita namun, kita perlu memikir dan mencari jalan penyelesaian agar isu ini tidak menjadi barah dan berleluasa dalam masyarakat. Di harapkan kajian ini dapat membuka minda ibu bapa untuk mengawasi anak-anak atau jagaan masing-masing dalam proses mereka berinteraksi menggunakan media sosial bagi membendung pengaruh-pengaruh negatif yang akan merosakkan mereka.

Pihak kerajaan khususnya kementerian-kementerian dan agensi-agensi tertentu pastinya telah melakukan pelbagai jenis program dan pendekatan bagi menangani isu yang berkaitan penyelewengan seksual namun kes-kes melibatkan penyelewangan seksual terutama dalam kalangan remaja Islam masih berada di tahap yang boleh dibaiki.

Adalah di harapkan agar dapatan kajian ini akan membuka ruang dan menjadi jambatan perbincangan dalam kalangan pembuat dasar sama ada di dalam



Kementerian Pendidikan Malaysia atau di Jabatan-Jabatan Pendidikan Negeri untuk melihat isu ini secara lebih kritis dan mencari jalan penyelesaian yang konkrit bagi memantapkan lagi pegangan agama dan seterusnya membina modul atau memperkenalkan sukatan yang berkaitan penyelewengan seksual melibatkan remaja Islam.

1.8 Batasan kajian

Kajian yang akan dijalankan ini berbentuk kajian tinjauan melibatkan pelajar-pelajar Tingkatan Empat yang terdiri daripada lelaki dan perempuan. Populasi kajian yang digunakan oleh penyelidik terdiri daripada pelajar-pelajar Tingkatan 4 yang berada di Sekolah Menengah Harian di Daerah Manjung, Perak. Bilangan sekolah yang akan

terlibat adalah sebanyak 21 buah sekolah dan sebuah Kolej Vokasional.



Di antara batasan-batasan bagi kajian ini ialah sampel untuk kajian ini dipilih daripada pelajar-pelajar Islam Tingkatan Empat, sekolah-sekolah menengah harian di Daerah Manjung, Perak Darul Ridzuan. Pelajar yang dijadikan sampel dalam kajian ini dipilih mengikut pensampelan rawak berlapis yang terdiri daripada pelajar-pelajar Tingkatan Empat kerana kelas-kelas ini tidak terlibat dengan peperiksaan dan ini memberi ruang kepada pelajar-pelajar terbabit terlibat sepenuhnya dalam kajian ini.

Pemboleh ubah yang digunakan oleh penyelidik terbatas kepada media sosial seperti *Facebook*, *WeChat*, *Twitter*, *Bigo Live*, *WhatsApp* dan *Instagram* sahaja yang diandaikan mempunyai hubungan dengan penyelewengan seksual

remaja Islam dari aspek memegang, menonton, komunikasi lucah, membuka aurat dan temu janji. Maklumat untuk kajian ini diperoleh melalui soal selidik.

1.9 Definisi konseptual dan definisi operasional

Di dalam kajian ini, penyelidik mengemukakan beberapa definisi konseptual dan definisi operasional yang dihuraikan untuk tujuan khusus kajian seperti berikut:

1.9.1 Media sosial

Definisi konseptual

Media sosial terbina melalui tiga elemen iaitu kandungan, komuniti dan teknologi web 2.0. Media sosial merupakan sebuah kumpulan aplikasi yang membolehkan para pengguna berkongsi gambar, video, informasi dan ulasan yang boleh di siarkan di dalam web. Selain dari itu rangkaian media sosial menggunakan teknologi mudah alih dan berdasarkan web mewujudkan platform yang sangat interaktif di mana individu dan komuniti berkongsi, mengusahakan, membincangkan, dan mengubah suai kandungan yang dijana pengguna. Media sosial juga adalah sebuah media online di mana para penggunanya boleh menggunakan dengan mudah berinteraksi dan mencipta isi meliputi blog, rangkaian sosial atau jaringan sosial, wiki, forum dan dunia virtual yang dibangunkan menggunakan teknologi web 2.0. (Ahlqvist e.al, 2010; Kietzmann & Hermkens, 2011; Wilga Secsio Ratsja Puteri et al, 2016)



Definisi operasional

Dalam kajian ini akan , media sosial melibatkan penggunaan aplikasi media sosial iaitu *Facebook*, *WeChat*, *Twitter*, *Bigo Live*, *WhatsApp* dan *Instagram* yang di tafsirkan sebagai media sosial yang mampu berkongsi pelbagai jenis maklumat sama ada dalam bentuk teks, memuat naik atau memuat turun gambar serta video, mampu membolehkan pengguna mengadakan video secara langsung atau *live* dan boleh mencipta kumpulan sosial yang tertentu (Kietzmann & Hermkens, 2011).

1.9.2 Penyelewengan seksual

Definisi konseptual



Jabatan Agama Islam Johor di dalam mentakrifkan penyelewengan tingkah laku seksual sebagai segala perbuatan yang mendorong nafsu seks sehinggalah berlakunya persetubuhan haram. (Roslee Ahmad, 2015).

Definisi operasional

Dalam kajian ini, penyelewangan seksual merujuk kepada tingkah laku atau perbuatan yang melanggar batas-batas pergaulan antara lelaki dan perempuan bukan mahram yang telah digariskan oleh Islam dari aspek-aspek seperti memegang, menonton, komunikasi lucah, membuka aurat dan temu janji (Roslee Ahmad, 2015).





Dalam kajian ini, memegang adalah tingkah laku meraba, menyentuh dan menggenggam di mana menurut ajaran Islam, tingkah laku ini adalah di larang dilakukan dalam Islam.

Dalam kajian ini, menonton adalah tingkah laku melihat, menyaksikan dan memerhati di mana dalam konteks kajian ini, tingkah laku ini dikaitkan dengan perlakuan menonton bahan-bahan berunsurkan lucah.

Kajian ini juga mendefinisikan komunikasi lucah sebagai perhubungan menggunakan medium iaitu media sosial di mana individu sama ada lelaki atau perempuan yang bukan mahram bersempang, berkongsi atau bertukar-tukar maklumat dan bahan yang berunsurkan lucah seperti video atau perbualan lucah dan aksi lucah secara langsung (live).



Perlakuan membuka aurat yang digunakan oleh penyelidik dalam kajian ini ditakrifkan sebagai perlakuan atau tingkah laku di mana individu mendedahkan atau berpakaian yang tidak mengikut syariat Islam iaitu dengan menutup aurat manakala istilah janji temu/dating pula didefinisikan sebagai pertemuan di antara lelaki dan perempuan bukan mahram di tempat yang telah ditetapkan bertujuan untuk melakukan perkara-perkara yang menjurus kepada maksiat.


1.10 Kerangka teoritikal kajian

Di dalam sesuatu penyelidikan, adalah penting untuk penyelidik menggunakan kerangka teoritikal yang terdiri daripada kerangka konseptual dan kerangka teori sebagai landasan kajian sebagai panduan kepada penyelidikan yang di jalankan.



1.10.1 Kerangka konseptual kajian

Dalam penyelidikan ini, penyelidik mengemukakan kerangka konseptual bertujuan untuk memandu penyelidikan yang bakal di jalankan.



Rajah 1.1. Kerangka konseptual kajian

Berdasarkan Rajah 1.1, penyelidik mengemukakan kerangka konseptual. Kerangka konseptual ini menunjukkan perhubungan di antara pemboleh ubah-pemboleh ubah yang dikaji oleh penyelidik untuk menjelaskan pengaruh media sosial terhadap penyelewengan seksual dalam kalangan pelajar Islam.

Dalam kajian ini, penyelidik mengemukakan tiga pemboleh ubah iaitu dua pemboleh ubah bebas yang menjadi penyebab berlakunya tingkah laku penyelewengan seksual dalam kalangan remaja iaitu media sosial yang terdiri daripada sub komponen *Facebook*, *WeChat*, *Twitter*, *Bigo Live*, *WhatsApp* dan *Instagram* dan komitmen keagamaan manakala pemboleh ubah bersandar iaitu pemboleh ubah yang terhasil dari pemboleh ubah bebas ialah tingkah laku penyelewengan seksual yang meliputi sub komponen seperti memegang, menonton, komunikasi lucah, membuka aurat dan temu janji.

1.10.2 Kerangka teori kajian


Dalam menjalankan kajian, penyelidik menggunakan rangka teori dalam mendasari

penyelidikan yang bakal dijalankan. Dalam kajian ini, penyelidik menggunakan Teori Ekologi Bronfenbrenner di mana teori ini diperkenalkan oleh Eric Bronfenbrenner pada tahun 1917. Teori ini menyatakan bahawa perkembangan seseorang individu itu dipengaruhi oleh sosiobudaya persekitaran (Mok Soon Sang 2013).

Teori ini mengemukakan empat sistem ekologi di mana sistem-sistem ini berinteraksi dengan individu dan seterusnya mempengaruhi perkembangan individu terbabit. Interaksi yang dimaksudkan ini berlaku di antara individu dengan keluarga, sesama rakan sebaya serta orang-orang lain yang terdekat dengan individu tersebut termasuklah pengaruh sosiobudaya keluarga dan komuniti setempat.

Empat sistem yang dimaksudkan Eric Bronfenbrenner dalam teorinya merangkumi:

- i. Mikrosistem yang merujuk kepada persekitaran di mana individu berinteraksi secara terus dengan orang-orang di sekelilingnya seperti ibu bapa, guru, rakan sebaya serta orang-orang lain sama ada di rumah, sekolah atau di dalam komuniti. Menurut Eric, mikrosistem ini memainkan peranan dalam mempengaruhi perkembangan seseorang individu.
- ii. Mesositem pula adalah keadaan di mana seseorang individu itu berinteraksi antara dua mikrosistem di mana individu berpeluang berinteraksi dengan satu sistem yang lebih besar dan luas. Sebagai contoh interaksi individu dengan keluarga dan sekolah.
- iii. Ekosistem pula adalah sistem yang berada diluar di mana individu tidak berinteraksi secara aktif namun perlakuan atau tindakan ahli-ahli dalam ekosistem ini akan mempengaruhi individu terbabit dalam proses perkembangannya.
- iv. Makrosistem adalah mengenai pengaruh yang dibawa oleh sosiobudaya dan taraf sosioekonomi dalam membentuk seseorang individu di mana makrosistem ini terdiri daripada elemen-elemen seperti adat resam, nilai pegangan dan etnik manakala sosioekonomi pula adalah merujuk kepada keadaan di mana taraf ekonomi individu terbabit juga secara langsung mempengaruhi perkembangannya.



Rajah 1.2. Teori Ekologi Bronfenbrenner

Teori Ekologi ini di lihat antara teori yang sangat rapat dan dekat dengan kajian yang akan dijalankan oleh penyelidik di mana dalam situasi kajian, penyelidik melihat pengaruh yang di bawa oleh media sosial dalam mempengaruhi tingkah laku penyelewengan seksual yang berlaku dalam kalangan remaja. Dalam situasi ini, media sosial boleh dikategorikan sebagai mikrosistem di mana individu berinteraksi secara langsung dengan individu-individu lain sama ada rakan sebaya, orang yang lebih dewasa malah dalam kalangan ahli keluarganya sendiri dan media sosial ini merupakan medium atau alat dalam interaksi ini.



Selain dari itu kajian ini di jalankan dalam kalangan pelajar Islam di mana penyelidik ingin melihat sama ada terdapat hubungan antara komitmen keagamaan dalam mempengaruhi penyelewengan seksual yang berlaku dalam kalangan remaja Islam. Komitmen keagamaan ini adalah sebahagian dari sosiobudaya yang di bentuk menurut ajaran Islam di mana nilai-nilai serta pegangan adalah berlandaskan kepada ajaran Islam menurut Al-Quran dan hadis. Jika dilihat persamaan dalam Teori Ekologi, komitmen keagamaan ini boleh dikategorikan dalam makrosistem di mana sistem ini dilihat mampu mempengaruhi perkembangan seseorang individu.

Teori Ekologi ini juga menyatakan bahawa keadaan pengalaman silam atau peristiwa pada masa tertentu mempengaruhi perkembangan individu. Pernyataan ini sangat dekat dengan apa yang ingin dikaji oleh penyelidik di mana dapatan melalui kajian ini nanti dapat dijadikan perbandingan dengan kajian penyelewengan seksual

yang berlaku pada ketika media sosial tidak berkembang dengan keadaan kini di mana media sosial ini sedang menjadi trend dalam kalangan remaja untuk berinteraksi, berkongsi pendapat dan meluahkan perasaan sejajar dengan pertambahan elemen-elemen interaktif yang terdapat dalam aplikasi media sosial.

1.11 Rumusan

Perkembangan teknologi yang semakin pesat terutama melibatkan teknologi internet dan komunikasi media sosial sedikit sebanyak memberi kesan sama ada secara positif atau negatif kepada kehidupan manusia terutama melibatkan para remaja. Kesan ini termasuklah melibatkan nilai-nilai murni dan akhlak yang secara tidak langsung mempengaruhi nilai dan gaya pemikiran masyarakat malah melalui kajian-kajian terdahulu mendapati media sosial ini mempengaruhi perkembangan manusia





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

32

khususnya melibatkan para remaja dan ada di antara mereka terlibat dengan tingkah laku penyelewengan yang serius sehingga melibatkan jenayah.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi